

# Musa arah sistem tadbiran penjara dikaji

**KUALA LUMPUR,** Selasa — Datuk Musa Hitam telah mengarahkan supaya Jabatan Penjara mengkaji secara berkesan sistem pentadbiran penjara agar lebih berperikemanusiaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, meskipun konsep penjara itu bagi memberi hukuman kepada pesalah namun perhatian perikemanusiaan tidak dilupakan.

Menjawab soalan tambahan Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong),

Datuk Musa yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pihaknya sedang menunggu laporan penuh mengenai kajian yang dibuat oleh Jabatan Penjara.

Menjawab soalan asal Encik Umar bin Haji Ismail, Datuk Musa berkata, kira-kira 39 kes yang melibatkan 55 orang banduan yang lepas lari dari penjara, sementara yang lepas dari lock-up polis pula kira-kira 114 kes yang melibatkan 153 orang tahanan.

Katanya, sebab-sebab melepaskan diri kerana, manusia tidak suka ditahan, sekiranya ditahan atau dipenjarakan mereka akan berusaha untuk melepas diri dengan berbagai-bagai cara mengikut undang-undang atau dengan cara-cara yang tersendiri.

Beliau menjelaskan di masa-masa yang lepas berbagai-bagai cara telah dijalankan oleh banduan untuk melepaskan diri daripada tahanan.

Katanya, di antara cara-cara termasuklah dengan penggunaan barang-barang yang diseludup masuk ke dalam bilik penjara, dengan menggunakan kain selimut atau cadar untuk memanjat tembok dan sebagainya.